

## **Ucapan**

**YBHG. PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SAMBUTAN MAULIDUR RASUL UMS 1439H/2017M**

**16 Rabiulawwal 1439H (5 Disember 2017)  
7.30 pagi | Perkarangan Dewan Canselor & Masjid UMS**

## **Salutasi**

1. Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat  
Pengarah Pusat Islam merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Sambutan Maulidur Rasul Universiti Malaysia Sabah 2017.
2. Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti

3. Para kakitangan dan pelajar, tuan-tuan dan puan-puan, muslimin dan muslimat yang dihormati sekalian.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana sekali lagi kita dapat menganjurkan Sambutan Maulidur Rasul 1439H/ 2017M peringkat UMS.

Sambutan ini adalah satu penganjuran peringkat universiti yang wajar dijalankan sebagai bukti, komitmen dan sumbangan kita demi menzahirkan kecintaan kita kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w.

Tema sambutan pada tahun ini, iaitu “Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara” sangat bertepatan dengan kesungguhan universiti untuk menyatukan fikiran dan menyeragamkan tindakan dalam memacu kecemerlangan bagi mencapai “Bertekad Cemerlang”. Semoga sambutan seperti ini akan melahirkan warga universiti yang berkasih sayang dan bekerjasama walau kita berbeza fikrah, budaya, bangsa dan agama.

Pada tahun ini juga, kita mengadakan perarakan daripada Dataran Dewan Canselor ke Masjid UMS yang disertai oleh kakitangan dan pelajar UMS. Tradisi perarakan ini tidak dilaksanakan sejak tiga tahun yang lepas dan digantikan dengan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) setiap Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut dan Unit.

Sepanjang sambutan Maulidur Rasul diadakan, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti Pertandingan Sukan Sunnah (memanah), pertandingan Riang Ria Semarak Cinta Rasul untuk kanak-kanak (hafazan, fesyen Islamik, mewarna dan sajak), serta pertandingan Musabaqah al-Quran dan Ihtifal seperti pertandingan nasyid, kompong, tilawah al-Quran, azan dan tulisan khat.

Tahniah kepada warga UMS yang turut serta dalam aktiviti-aktiviti yang saya sebutkan ini.

**Muslimin dan Muslimat, Hadirin dan Hadirat yang dimuliakan**

Allah S.W.T berfirman dalam surah al-Imran ayat 103, yang bermaksud:

***"Berpegang teguhlah kamu semuanya dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah."***

Kita adalah satu umat yang bersaudara dan saling memerlukan antara satu sama lain. Dalam hadis riwayat Muslim, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud; ***"Janganlah kalian saling dengki-mendengki, jangan saling menipu, jangan saling membenci, jangan saling membelakangi, dan jangan kalian membeli suatu barang yang (akan) dibeli orang. Jadilah kamu sekalian hamba-hamba Allah yang bersaudara.***

Jika kita mahu menjadi ummah yang cemerlang, maka perpaduan melalui akhlak Islamiah dan nilai-nilai murni harus dipupuk dan dibudayakan.

Jika kita berpecah-belah, berhasad dengki dan saling bersengketa, kita adalah penyebab kerosakan segala perancangan diri, universiti, dan seterusnya meruntuhkan binaan ummah ini.

Memperkasa ummah juga dapat dicapai melalui agenda kita memperkasa ilmu melalui kecemerlangan akademik, aktiviti penyelidikan dan inovasi yang telah sama-sama kita pikul dan laksanakan bersungguh-sungguh dahulu, kini dan terus menerus kita perkasakan, insya-Allah.

**Hadirin dan Hadirat yang dihormati,**

Saya mengharapkan agar objektif sambutan ini akan tercapai demi meningkatkan kesedaran kepada warga kampus betapa pentingnya menghayati sirah kehidupan, perjuangan dan akhlak Nabi Muhammad s.a.w dalam segala aspek kehidupan kita.

Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat, khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam semua aktiviti yang dianjurkan sempena bulan Maulud ini.

Tahniah dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa yang terlibat kerana dapat menganjurkan sambutan Maulidur Rasul dengan jayanya walaupun dalam kekangan kesibukan masa masing-masing.

Akhir kata, semoga Allah SWT memberkati perhimpunan kita pada hari ini, dan meletakkan kita bersama orang-orang yang beruntung di akhirat kelak.

***"Demi masa, sesungguhnya manusia itu sentiasa berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beramal soleh yang sentiasa berpesan kepada kebenaran dan berpesan-pesan kepada kesabaran"***

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.